

54

**NO SOALAN :30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG  
(TEBRAU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 02.04.2018**

**Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [ TEBRAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa GST dikenakan untuk bayaran transaksi perbankan digital dan adakah Kementerian bercadang untuk mengecualikan GST untuk menggalakkan bayaran transaksi perbankan digital.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara asasnya, perkhidmatan kewangan yang berdasarkan faedah adalah dikecualikan dari GST (*exempt supply*) manakala bagi perkhidmatan kewangan berdasarkan fi, ianya dikenakan GST pada kadar 6%. Ini bermaksud GST dikenakan

ke atas apa-apa fi atau caj yang dikenakan oleh pihak bank kepada pelanggan. Ini termasuklah caj yang dikenakan ke atas perkhidmatan perbankan digital (*online banking*).

Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji layanan GST sedia ada ke atas perkhidmatan kewangan. Walau bagaimanapun, bagi menggalakkan transaksi melalui perbankan digital, Bank Negara Malaysia (BNM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif berikut bagi menjadikan kos perkhidmatan tersebut lebih berpatutan serta lebih mudah diakses dan digunakan:

**i. Menangani isu herotan harga (*price distortion*) supaya fi perkhidmatan e-pembayaran lebih berpatutan**

- Mulai 2 Mei 2013, fi bagi urus niaga GIRO Antara Bank ('*Interbank GIRO, IBG*') telah diturunkan kepada 10 sen daripada RM2 sebelumnya;
- Mulai 1 Jun 2015, fi bagi urus niaga Pindahan Segera (*Instant Transfer*) telah diturunkan kepada 50 sen daripada RM1 – RM4 sebelumnya;
- Mulai Julai 2018, fi bagi urus niaga Pindahan Segera bernilai sehingga RM5,000 dan ke bawah adalah percuma untuk golongan individu dan perniagaan kecil dan sederhana (PKS);

i. Mewujudkan struktur insentif pasaran di bawah Rangka Kerja Dana Insentif e-Pembayaran (e-Payment Incentive Fund Framework, ePIF)

- Di bawah Rangka Kerja ePIF, institusi perbankan dikehendaki untuk menyalurkan fi pemprosesan cek yang dikutip ke dalam ePIF, sebagai insentif bagi menggalakkan pelanggan mereka untuk menggunakan kaedah pembayaran secara elektronik;
- Antara tahun 2015 dan 2017, sebanyak RM175.2 juta telah dimanfaatkan oleh individu dan PKS melalui bengkel latihan e-pembayaran yang dianjurkan oleh institusi perbankan dan menerusi pelbagai diskaun dan pelepasan fi untuk perbankan Internet. Ini termasuk pelepasan fi langganan perbankan Internet, fi token keselamatan dan fi transaksi e-pembayaran

i. Memperluas akses kepada perkhidmatan e-pembayaran

- Perkhidmatan IBG dan Pindahan Segera disediakan melalui saluran perbankan Internet, perbankan mudah alih dan mesin juruwang automatik (ATM) di seluruh negara yang mempunyai tahap pencapaian 99.9% daripada jumlah akaun semasa dan akaun simpanan di Malaysia;

### **i. Meningkatkan kualiti dan nilai tawaran e-pembayaran**

- Bagi memudahkan penyelarasan pembayaran, institusi perbankan dikehendaki untuk memaparkan nama pembayar dan rujukan pembayaran dalam penyata akaun penerima, dan sebaliknya nama penerima dan rujukan pembayaran dalam penyata akaun pembayar; dan

### **i. Meningkatkan kesedaran dan keyakinan awam dalam penggunaan e-pembayaran**

- BNM telah menganjurkan Siri Jelajah e-Pembayaran Nasional tahunan (*National E-Payment Roadshow*) sejak tahun 2013 dengan kerjasama Persatuan Bank-bank dalam Malaysia (ABM) dan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM);
- Menyiarkan pesanan khidmat masyarakat mengenai cara penggunaan e-pembayaran yang selamat menerusi pelbagai saluran media;
- Usaha berterusan juga diambil oleh pihak BNM dan industri perbankan untuk mempertingkatkan keselamatan dan keteguhan sistem e-pembayaran selaras dengan perkembangan teknologi dan landskap sistem pembayaran di Malaysia.



Pada tahun 2017, jumlah urus niaga IBG dan Pindahan Segera terus meningkat pada kadar 13.0% (IBG) dan 59.4% (Pindahan Segera) manakala penggunaan cek terus menurun pada kadar 10.6% (2016: 10%).